

Headline **Pharmaniaga ke Indonesia**  
Date **23. Jul 2008**  
Media Title **Utusan Malaysia**  
Section **Ekonomi**  
Circulation **238082**  
Readership **833287**

Language **MALAY**  
Page No **20**  
Article Size **233** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**  
AdValue **3284.83**



# Pharmaniaga ke Indonesia

**Kami tidak perlu membuat pembelian syarikat yang besar hanya sekadar mahu di negara itu kerana syarikat yang dibeli berpotensi untuk berkembang dengan pesat**

**DATUK AZMAN YAHYA**  
Pengerusi Pharmaniaga Bhd.

**SUBANG JAYA** 22 Julai - Pharmaniaga Bhd. (Pharmaniaga), syarikat penjagaan kesihatan bersepadu telah mengenal pasti beberapa buah syarikat di Indonesia untuk diambil alih melibatkan urus niaga bernilai lebih RM300 juta pada akhir tahun ini.

Pengerusinya, Datuk Azman Yahya berkata, pengambilan alih itu bertujuan untuk mengembangkan perniagaan syarikat itu di republik berkenaan.

Bagaimanapun Azman berkata, pihaknya masih menilai langkah berkenaan dan kos pembelian syarikat berkenaan mungkin meningkat bergantung kepada saiz syarikat berkenaan.

"Pembelian itu bergantung kepada persetujuan kedua-dua pihak tetapi sekiranya harga yang ditawarkan berpatutan dan dipersejajai, kami akan membeli syarikat berkenaan (yang dikenalpasti)," kata beliau.

Beliau berkata demikian pada majlis penyampaian Anugerah Vendor Cemerlang yang dirasmikan oleh Menteri Kesihatan, Datuk Liow Tiong Lai, di sini hari ini.



**AZMAN YAHYA**

Menurut Azman, tumpuan Pharmaniaga juga adalah mengembangkan perniagaan menerusi pasaran eksport secara berterusan terutamanya di Indonesia.

"Kami tidak perlu membuat pembelian syarikat yang besar hanya sekadar mahu di negara itu kerana syarikat yang dibeli berpotensi untuk berkembang dengan pesat," katanya.

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2007, jumlah dagangan Pharmaniaga dari Indonesia berjumlah RM280 juta.

Azman berkata, sebanyak 50 peratus daripada jumlah dagangan disumbangkan oleh

perniagaan konsesi manakala bakinya daripada perniagaan lain dan eksport.

Beliau berkata, jualan di pasaran asing menyumbang 28 peratus kepada jumlah dagangan.

"Kami tidak menjangka jualan di pasaran asing meningkat sehingga 50 peratus kerana kami ingin mengekalkan keseimbangan yang sihat.

"Peningkatan jualan di pasaran bergantung kepada kadar pertumbuhan pasaran tempatan dan peluang di pasaran luar negara," kata beliau.

Ditanya sama ada sejauh mana kemajuan

perbincangan Pharmaniaga dengan kerajaan Kazakhtan untuk membekalkan peralatan hospital selepas mengadakan perbincangan pada September lalu, pihaknya perlu berhati-hati berurusan niaga dengan

pihak asing.

"Kami perlu memahami sistem, budaya, peraturan dan pengawalan mereka terlebih dahulu kerana pasaran itu masih dianggap baru," ujarnya.

Sementara itu, ketika mengulas laporan Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) akan menjual kepentingan saham dalam Pharmaniaga kepada Chemical Company of Malaysia Bhd. (CCM), Azman berkata, beliau tidak sedar tentang isu itu.

"Kalau benar, keputusan tersebut akan ditentukan oleh pemegang saham," jelasnya.